

## **Allahyarham Ali Hamsa diberi penghormatan terakhir**

**PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi penghormatan terakhir ke atas jenazah bekas Ketua Setiausaha Negara, Allahyarham Tan Sri Dr. Ali Hamsa, semalam.**

**Bellau menziarahi jenazah Allahyarham di kediaman balunya, Puan Sri Rohani Parkash di Presint 10, Putrajaya.**

**Sementara itu, lebih 500 orang hadir ke Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA), Putrajaya bagi memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham Dr. Ali.**

**Mereka yang hadir termasuk Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad; Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani.**

**Jenazah selamat dikebumi di Tanah Perkuburan Islam, Presint 20 selepas solat Zuhur.**

**■ ISMAIL SABRI Yaakob menenangkan Rohani Parkash di Presint 10, Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**



